

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN ke-1
(Karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke-85 di Surau An-Nur, Sg. Nyior, Trong, Perak

Apakah maksud Ihya' 'Ulumiddin?

Menghidupkan Ilmu-ilmu Agama

Nama penuh Imam Ghazali

Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali.

Antara Karya2 Imam Ghazali yang lain :

1. Al-Munqiz min adh-Dhalal (Selamat Daripada Kesesatan)
2. Ar-Risalah al-Laduniyyah (Risalah Ilmu Laduni)
3. Misykatul Anwar
4. Kimia' as-Sa'adah (Kimia Kebahagiaan)
5. Maqasidul Falasifah
6. Tahafut al-Falasifah
7. Minhajul Abidin
8. Tafsir Al-Ghazali
9. Fadhaih al-Batiniyyah wa al-Fadhail al-Mustazhiriyyah.
10. Majalis al-Ghazaliyyah (himpunan kuliahnya yang ditulis oleh peminatnya bernama Ibnu Labban)
11. Mizan-al-Amal
12. Al-i'tisad fi Al-l'tiqad
13. Sir al-'Alamin
14. Al-Ma'arif al-'Aqaliyah
15. Kitab al-Arba'in
16. Juwahirul Quran
17. Ayyuhai Walad
18. Hujjah al-Haq
19. Qisasul Mustaqim

Apakah kitab-kitab ringkasan Ihya' 'Ulumiddin yang popular di rantau Nusantara ini?

1. Kitab Bimbingan Mukmin
2. Kitab Bidayatul Hidayah
3. Kitab Hidayatus Salikin (1778 M) karya Syeikh Abdus Samad al-Falimbani. Kitab ini merupakan huraian kepada kitab Bidayatul Hidayah.
4. Kitab Sairus Salikin karya Syeikh Abdus Samad al-Falimbani.

Sejarah Imam al-Ghazali

Lahir di desa Ghazalah, **Thus, Khurasan** pada 450 Hijrah = 1058 M. (953 tahun yang lalu) Miskin. Bapanya tukang tenung kain.

Bapanya pencinta ilmu. Doa minta Tuhan kurniakan anak yang jadi ulama. Seronok dapat dua anak lelaki.

Adiknya bernama Ahmad. Namanya Abul Futuh Ahmad bin Muhammad. Gelarannya Mujidduddin.

Bapa mereka tak sempat lihat mereka berjaya kerana meninggal awal.

Diserahkan kepada sahabat bapanya (ahli tasawuf) untuk diasuh. Dipesan sejak sebelum meninggal.

Belajar ilmu fiqh di Thus dengan Syeikh Ahmad bin Muhammad **ar- Razakani.**

Belajat tasawuf dengan Yusuf an-Nassaj.

469 H, pergi ke Jurjan. Gurunya Abi Nasar al Ismaili.

Pulang dan tinggal di Thus 3 tahun.

471 H pergi ke Nisapur, di **Sekolah Nizamiyah.** Gurunya **Imam Haramain** (Abdul Ma'ali, Dhiauddin al Juwaini). Ilmunya setanding dengan gurunya. Menggantikan gurunya mengajar jika gurunya tidak ada.

Jadi pensyarah di Universiti Nizamiyah pada 475 H. (usianya 25 tahun)

479 H, Imam Haramain meninggal.

Perdana Menteri Nizam al-Mulk (dari Bani Abbasiyah) lantik Imam al-Ghazali ganti Imam Haramain..

Kata Imam Haramain : "Al Ghazali itu lautan tak bertepi..."

Mengajar di rumah Perdana Menteri selama 5 tahun. 2 minggu sekali.

Dilantik pula jadi Presiden Universiti Baghdad.

Khalifah Muqtadi (467 H – 487 H) kirim Permaisuri Raja Malik Syah dari Saljuk pada 485H bernama Terkanu Khatun untuk berurusan Al-Ghazali.

485 H, Raja Malik Syah yang adil itu meninggal.

Perdana Menteri Nizamul Mulk mati dibunuh.

487 H pula Khalifah Muqtadi meninggal dunia.

Mengalami tekanan dalam hidupnya. Jatuh sakit selama 6 bulan. Letak jawatan dan mengembara selama 10 tahun.

488 haji ke Makkah. Terus ke Syam (Syria), Baitul Maqdis, Damsyiq (Damaskus), Mesir.

Beribadah di Masjid Al-Umawi. Sampai sekarang ada sudut bernama Al-Ghazaliyyah. Ketika itulah dia mengarang kitab Ihya' 'Ulumiddin.

Pulang kampung dan buka pondok untuk para sufi. Meninggal dunia di sana.

Ada 4 orang anak. 1 lelaki (meninggal ketika kecil) dan 3 perempuan.

Aliran Imam al-Ghazali

1. Tauhid – mazhab Asya'irah & mazhab ahli kasyaf.
2. Fiqh – mazhab Syafie.
3. Tasawuf – aliran tasawuf perdana dan alirannya sendiri.

“Meskipun ada berpuh lagi karangan al-Gahzali yang lain, dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan Islam, namun yang menjadi intisari dari seluruh karangan beliau itu ialah kitab Ihya' 'Ulumiddin.” – Dr. HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah)

Bahagian-bahagian Kitab Ihya'

1. Ibadah
2. Aktiviti seharian
3. Perbuatan2 yang membinasakan kita.
4. Perbuatan2 yang menyelamatkan kita

Pada zaman itu, masalah utama ialah:

1. Pertelagahan antara penyokong fiqh dengan tasawuf.
2. Dunia Islam diserapi ilmu falsafah yang salah.

Kerosakan ahli fiqh (ahli syariat) zaman itu – sibuk menentukan hukum-hakam sehingga lupakan kehalusan perasaan dan akhlak kepada Khaliq dan makhluk.

Kerosakan ahli tasawuf (ahli hakikat) zaman itu – terlalu sibuk menguruskan hal-hal kerohanian hinggakan kurang mengambil berat syariat.

Syair

Muhammad nama empunya diri.
Abu Hamid juga dikenali.
Hujjatul Islam gelar diberi.
Itulah Tuan Imam Ghazali.

Seorang mujaddid, seorang sufi.
Ilmunya banyak, hikmahnya tinggi.
Mengarang kitab rajin sekali.
Ihya' Ulumiddin kita pelajari.

PERKARA BERBANGKIT – Persoalan Tahiyat

“Sewaktu kami bersembahyang di belakang Rasulullah saw, kami membaca “Assalaamu ‘alallahis salaamu ‘ala fulaan”. Kemudian pada suatu hari Rasulullah bersabda kepada kami : “Sesungguhnya Allah adalah As-Salaam (Yang Selamat Sejahtera). Jadi, apabila salah seorang antara kamu duduk ketika bersembahyang, hendaklah dia

membaca “.....” . Apabila dia membacanya, nescaya keselamatan itu turut sama dikurniakan kepada semua hamba Allah yang soleh sama ada di langit ataupun di bumi. “.....” Kemudian bolehlah dia membaca doa yang dikehendaki.” (Muslim)

“Sebelum diwajibkan membaca tasyahhud, biasanya kami membaca “Assalaamu ‘alahllah, assalaamu ‘ala Jibriil, assalaamu ‘ala Miikaaii”. Kemudian Rasulullah bersabda : “Jangan ucapkan yang itu. Ucapkanlah At-Tahiyatulillaah...” ((Nasaa’i, Daaraquttni, Baihaqi)

Bacaan tasyahhud yang biasa kita baca terdapat dalam hadis riwayat Imam Muslim dan Abu Dawud. Riwayat Imam Bukhari juga sama kecuali pada “Wa asyhadu anna Muhammadan ‘abduhu wa rasuluh”.